

Bil. S 13

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(JAWATANKUASA), 2014**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Tafsiran.
 3. Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.
 4. Kewajipan-kewajipan jawatankuasa.
 5. Bilangan dan tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli.
-

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT
(JAWATANKUASA), 2014**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4(1)(f) dari Akta Pendaftaran Jururawat, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat (Jawatankuasa), 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Mac 2014.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “jawatankuasa” mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 3.

Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa.

3. Lembaga boleh menubuhkan sebilangan jawatankuasa bagi sebarang tujuan am atau khas yang, pada pendapat Lembaga, boleh ditangani atau diurus dengan lebih baik lagi oleh jawatankuasa.

Kewajipan-kewajipan jawatankuasa.

4. Suatu jawatankuasa hendaklah —

(a) melaksanakan kewajipan-kewajipan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Lembaga; dan

(b) tertakluk kepada sebarang arahan Lembaga, mengawalselia prosidingnya sendiri.

Bilangan dan tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli.

5. Bilangan dan tempoh memegang jawatan bagi ahli-ahli dalam mana-mana jawatankuasa dan bilangan ahli-ahli tersebut yang diperlukan untuk membentuk korum hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2014.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.